

# Mahasiswa UMS laksana aktiviti kesukarelawan bersama IM4U

UB 17.1.2014 B6



ABD Rahman (tengah) bersama mahasiswa UMS yang menjadi peserta kesukarelawan bersama IM4U.

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bekerjasama dengan Malaysia for Youth (IM4U) dalam melaksanakan aktiviti kesukarelawanan baru-baru ini.

Aktiviti itu yang diketuai oleh oleh Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS Fandy Sanizan Jurup menyaksikan penyertaan 60 mahasiswa UMS, yang secara sukarela membersihkan kawasan padang Kota Belud dan mengecat beberapa bangunan sekolah yang terpilih.

Ketika dihubungi Fandy memberitahu, aktiviti itu dilaksanakan bersempena Majlis Pelancaran Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang dirasmikan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan

dan Kerajaan Tempatan merangkap Ahli Parlimen Kota Belud, Dato' Hj Abd Rahman Dahlan.

Katanya, program seumpama itu adalah satu usaha yang baik khususnya dalam mendidik mahasiswa melakukan kerja-kerja kesukarelawanan serta mendekatkan diri dengan masyarakat.

"Ia juga sejajar dengan hasrat universiti untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai jati diri yang tinggi," katanya.

Fandy turut merakamkan penghargaan kepada Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur kerana sentiasa menyokong segala usaha



FANDYI

berkaitan membangunkan kemahiran insaniah para mahasiswa.

Mahasiswa UMS sebelum ini juga terlibat dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan dengan kerjasama IM4U.